



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

27 Oct 2020 (Selasa)

Berita Harian

Kemelut politik negara berterusan	1
Peruntuk baucar RM2j anjur selangor E-bazar	2

Utusan Malaysia

Langkah sumbang pembangkang	3
AELM APEC bakal lancar Visi Pasca 2020	4
Cegah jenayah	5

Harian Metro

Selangor beri subsidi baucar bernilai RM2j	6
--	---

Sinar Harian

Syarat DAP untuk sokong Muhyiddin	7
Kilang lebur aluminium beroperasi tanpa lesen	8

The Star

No provision for barriers behind houses	9
Some residents in Subang Jaya received approval for gated back lanes	10
Night market reopens	11
Three new councillors sworn in at Kajang council	12

New Straits Times

TIME TO FORM RIVER BASIN AUTHORITY	13
------------------------------------	----

The Sun

Apec meeting to conducted via internet	14
--	----

The Malaysian Reserve

Centralised task force needed to tackle water woes	15
Selangor to woo 10,000 SME for 11.11 e-bazaar	16

Sin Chew Daily

Selangor State Government spend RM2 million to cooperate with two major e-commerce platforms, to push 11.11 e-bazar promotion	17
---	----

Nanyang Siang Pau

MPKJ monthly meeting	18
----------------------	----

Oriental Daily

Multiple states MB and KM follow the decree and focus on fighting the pandemic	19
The rulers do not pass the state of emergency	20
Yang di-Pertuan Agong reminds to stop disturbing the country's administrative stability	

Makkal Osai

Return the power of people	21
500 below Dengue cases recorded in selangor since 4 weeks ago	22
RM2mil voucher to Selangor E-Bazar	23
Illegal rubbish burning syndicate raid in Kajang	24



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



Malaysia Nanban

Selangor MB to follow Agong's order
Special sale on 11.11.2020

25
26

Tamil Malar

Covid-19 infection recorded in 8 districts of Selangor

27



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
27 October 2020		
Akbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Kemelut politik negara berterusan
Muka Surat	:	2

Kemelut politik negara berterusan

Titah Seri Paduka minta semua pihak elak perbalahan, bantu kerajaan bendung wabak tidak dipedulikan

Oleh Rafidah Md Ruzki, Rohaniza Idris, Zanariah Abd Mutalib, Farah Marshita Abdul Patah, Mohd Nasruddin Parzi, Luqman Arif Abdul Karim, Mahani Ishak, Ahmad Suhael Adnan dan Noratigah Sulaiman bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Kemelut politik negara berterusan sehari selepas Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah bertitah bahawa tiada keperluan untuk mengisytihar darurat buat masa ini.

Beberapa jam selepas kenyataan Istana Negara itu, khabar angin tersebar luas kononnya Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, mahu meletakkan jawatan dan rumah beliau di Damansara Heights, Kuala Lumpur, menjadi tumpuan menteri dan Ahli Parlimen yang dikatakan memujuk beliau supaya terus kekal mengetuai pentadbiran kerajaan.

Walaupun ada penafian, cakap-cakap mengenainya masih didengar pada peringkat akar umbi, sehingga mengelirukan rakyat yang mengharapkan keputusan Istana Negara sudah menyelesaikan kekeliruan politik yang bermula sejak beberapa minggu lalu.

Di sebalik titah Yang di-Pertuan Agong meminta semua pihak tanpa mengira latar belakang dan fahaman politik, mengetepikan segala perbezaan dan perbalahan untuk bersatu padu serta bersatu hati, membantu kerajaan dan pihak berkuasa membendung wabak COVID-19 demi keselamatan diri serta kesejahteraan negara, namun dilihat kepada perkembangan yang berlaku semalam, ia seolah-olah tidak dipedulikan.

Malah, tanda tanya terus berlegar mengenai pendirian Barisan Nasional (BN) dan UMNO yang menjadi tunjang kepada kelangsungan kerajaan Perikatan Nasional (PN) diterajui Muhyiddin, sejak Mac lalu.

Ada dakwaan UMNO pun sudah berpecah kepada dua kumpulan, iaitu kumpulan yang menyokong Muhyiddin dan satu lagi yang mahu beliau berundur serta menyerahkan mandat kepada rakyat.

Difahamkan, pada mesyuarat BN dan UMNO semalam, ada pemimpinnya secara terbuka meminta hubungan parti itu dengan PN dikaji semula, selain mencajarkan menarik balik sokongan kepada PN supaya Parlimen dapat dibubarkan.

Ada juga yang dikatakan me-



nyuarakan hasrat supaya BN dan UMNO menyokong Presiden PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai calon Perdana Menteri.

Bagaimanapun, sehingga malam tadi, tiada sebarang kenyataan dikeluarkan PN, Muhyiddin atau partinya, Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU).

Malah, dua mesyuarat penting dipengerusikan Muhyiddin pagi semalam, juga tidak diketahui hasilnya, sehingga menimbulkan lebih banyak tanda tanya.

Pada jam 9.30 pagi, Muhyiddin mengadakan mesyuarat dengan pemimpin parti gabungan PN, termasuk Presiden PAS, Datuk Seri Abdul Hadi Awang; Presiden MCA, Datuk Seri Wee Ka Siong dan Presiden MIC, Tan Sri S A Vigneswaran.

Namun, Presiden UMNO, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi tidak kelihatan walaupun menurut sumber, undangan sudah disampaikan kepada Ahli Parlimen Bagan Datuk itu, malam kelmarin.

Muhyiddin yang juga Ahli Parlimen Pagoh itu kemudian mempengerusikan Mesyuarat Khas Kabinet kira-kira dua jam bermula jam 11.30 pagi.

Usaha pengamal media untuk mendapatkan butiran mengenai Mesyuarat Khas Kabinet itu daripada menteri yang hadir juga tidak berjaya.

Menteri Kanan (Perdagangan Antarabangsa dan Industri), Datuk Seri Mohamed Azmin Ali hanya menurunkan tingkat kerendahan dan melambai kepada media tanpa memberi sebarang ulasan berhubung mesyuarat itu.

Selain menteri Kabinet, turut menghadiri mesyuarat khas itu ialah Peguam Negara, Tan Sri Idrus Harun.

Lewat petang semalam, Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob memaklumkan tiada sebarang perbincangan dibuat berhubung isu pembubaran Parlimen pada Mesyuarat Khas Kabinet itu.

"Tadi (pagi) memang ada mesyuarat Kabinet, tetapi perkara

mengenai pembubaran Parlimen tidak dibincangkan pun.

"Walaupun saya tidak boleh sebut (mengenai perbincangan dalam mesyuarat), tetapi ia (pembubaran Parlimen) tidak dibangkit dan dibincangkan," katanya pada sidang media mengenai Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Beberapa kilometer dari Putrajaya, Ahli Parlimen Barisan Nasional (BN) pula 'berkumpul' di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di ibu negara tengah hari semalam bagi menghadiri mesyuarat tergeper BN bagi membincangkan kedudukan parti itu dalam PN dan sokongan kepada Muhyiddin.

Mesyuarat tergeper berlangsung lebih tiga jam bermula jam 1 tengah hari dan berakhir jam 4 petang itu, dipengerusikan Ahmad Zahid.

Ketika diajukan pertanyaan, Bendahari BN, Datuk Seri Hishammuddin Hussein yang sebelum itu bergegas dari Putrajaya berkata: "Itulah yang dibincangkan (kedudukan Muhyiddin) dan saya mahu tahu keputusan BN

mengenainya," katanya kepada media ditemui di lobi Menara Datu Onn, PWTC.

Ditanya mengenai kedudukan UMNO sama ada masih menyokong PN, Hishammuddin yang juga Menteri Luar berkata, beliau tidak tahu dan perkara itu perlu menunggu keputusan mesyuarat Majlis Kerja Tertinggi (MKT).

Antara yang hadir pada mesyuarat itu ialah Pengerusi Lembaga Penasihat UMNO yang juga Ahli Parlimen Gua Musang, Tengku Razaleigh Hamzah; Setiausaha Agung BN, Tan Sri Annuar Musa dan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin.

Turut hadir, bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak yang juga Ahli Parlimen Pekan; Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Zahidi Zainal Abidin, Ahli Parlimen Besut, Datuk Seri Idris Jusoh dan Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Mohamed Khalid Nordin serta Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi yang juga Ahli Parlimen Tanjung Piai, Datuk Seri Dr Wee Jeeck Seng.

Razaleigh pula memberitahu media bahawa mesyuarat itu mengumpulkan pelbagai pandangan Ahli Parlimen BN mengenai perkembangan terkini isu semasa politik, termasuk mengenai kedudukan parti.

Katanya, turut disentuh keputusan Raja-Raja Melayu dan titah Yang di-Pertuan Agong mengenai darurat.

Ditanya apa dibincangkan pada mesyuarat BN: "Semuanya akan dibincangkan malam ini (malam tadi). Biasanya tindakan kita (UMNO) secara *en bloc*," katanya.

Sehingga jam 10 malam tadi, mesyuarat MKT UMNO yang bermula jam 8.30 malam masih berlangsung.

Kelmarin, Raja-Raja Melayu mengadakan perbincangan khas hampir tiga jam di Istana Negara bagi meneliti cadangan dikemukakan Muhyiddin ketika menghadap Yang di-Pertuan Agong di Istana Abdul Aziz, Kuantan, Jumaat lalu.

Tadi (pagi) memang ada mesyuarat Kabinet, tetapi perkara mengenai pembubaran Parlimen tidak dibincangkan pun. Walaupun saya tidak boleh sebut (mengenai perbincangan dalam mesyuarat), tetapi ia (pembubaran Parlimen) tidak dibangkit dan dibincangkan.

Ismail Sabri Yaakob, Menteri Kanan (Keselamatan)



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 27 October 2020

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Peruntuk baucar RM2j anjur selangor E-bazar
Muka Surat	:	24

Peruntuk baucar RM2j anjur Selangor E-bazar

Shah Alam: Kerajaan Selangor akan menyalurkan baucar bernilai RM2 juta untuk penganjuran Selangor E-bazar yang akan berlangsung selama sebulan, bermula semalam sehingga 26 November ini.

Peruntukan dalam bentuk baucar ini akan disalurkan kepada 10,000 perusahaan kecil dan sederhana (PKS) serta perusahaan mikro Selangor, sempena kempen Jualan Mega Nov 11 (Single Day). Menurut Majlis Teknologi Mak-

lumat dan E-Dagang Selangor (SI-TEC) dalam kenyataan semalam, inisiatif itu bermatlamat membantu PKS dan perusahaan mikro Selangor melaksanakan pendigitalan untuk bertahan dalam persekitaran perniagaan yang mencabar pada era COVID-19.

Inisiatif ini dianjurkan menerusi dua platform perniagaan dalam talian terbesar di Malaysia iaitu Shopee dan Lazada.

"Shopee dan Lazada menyediakan laman mikro khusus di



Teng Chang Khim

platform masing-masing. Pengguna boleh mengaksesnya bagi menikmati diskaun menarik dari Shopee dan Lazada dengan baucar bersubsidi daripada kerajaan Selangor," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelaburan, Perdagangan dan Perindustrian dan IKS, Datuk Teng Chang Khim, berkata Selangor satu-satunya negeri melancarkan dua kempen baucar dalam talian berturut-turut untuk mempercepatkan pendigitalan

PKS pada masa kritikal.

Kempen Selangor E-bazar Raya yang berlangsung dua bulan sebelum ini dari 4 Mei hingga 4 Julai lalu mencapai kejayaan cemerlang.

Dengan penyaluran baucar subsidi RM1 juta oleh kerajaan Selangor, peniaga berjaya menjana hasil jualan RM11.7 juta, bersamaan dengan pulangan pelaburan 12 kali ganda. Ia adalah peningkatan 341 peratus daripada baucar berkenaan.



KERATAN AKHBAR 27 October 2020		
Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Langkah sumbang pembangkang
Muka Surat	:	16

Langkah sumbang pembangkang

MUHAMAD MAT YAKIM



TIDADA siapa boleh menafikan, pada peringkat awal Covid-19 mengancam negara, kerajaan Perikatan Nasional (PN) berjaya menguruskan keadaan dengan begitu baik. Hingga kini pun, Malaysia diiktiraf dunia sebagai antara yang terbaik dalam mengendalikan krisis ini.

Namun kebelakangan ini, menyusuli sidang akhbar Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim, kononnya beliau mengumpul majoriti untuk menurunkan Tan Sri Muhyiddin Yassin dari kerusi Perdana Menteri, tiba-tiba muncul dakwaan kononnya kerajaan gagal menguruskan situasi.

Ini disusuli dakwaan bertali arus oleh ahli-ahli politik pembangkang lain. Bagi memperkuatkan tuntutan Anwar, tuduhan konon kerajaan yang ada pada hari ini tidak mendapat mandat untuk memerintah, dikumandangkan semula. Ini semata-mata tuduhan oleh kumpulan yang boleh diistilahkan sebagai 'gila talak'.

Dalam sistem demokrasi berparlimen yang beracuan Westminster, apabila pengundi membuat keputusan semasa pilihan raya, mandat sepenuhnya berada dalam tangan individu yang menang.

Ia akan kekal dalam tangan ahli Parlimen hinggalah Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah beri perkenan untuk Parlimen dibubarkan sama ada setelah cukup tempoh penggal pilihan raya mahupun tidak.

Kita imbau apa yang berlaku pada penghujung Februari lalu dan sebelumnya. Pembangkang jangan buat-buat lupa bahawa pergolakan politik pada ketika itu tercetus dalam pakatan mereka sendiri.

Ketika itu, Anwar ghairah menuntut apa yang dikatakan sebagai janji Tun Dr. Mahathir Mohamad untuk menyerahkan jawatan Perdana Menteri kepadanya



ANWAR Ibrahim bercakap kepada wartawan selepas memberi keterangan kepada polis berhubung senarai nama ahli Parlimen yang menyokongnya di Kuala Lumpur, baru-baru ini. - UTUSAN/FARIZ RUSADIO

“Ahli politik sepatutnya insaf dan prihatin dengan apa berlaku di Sabah yang hingga hari ini rakyatnya masih lagi bertarung dengan ancaman jangkitan yang semakin meningkat.”

selepas tempoh dua tahun menerusi perjanjian yang dikatakan dibuat sejurus selepas pakatan mereka menang Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14).

BERCELARU

Dr. Mahathir pula keberatan hendak menyerahkan kerusi nombor satu itu kepada bekas timbalan yang pernah dipecatinya. Dalam Pakatan Harapan (PH) sendiri, keadaan menjadi begitu bercelaru apabila DAP yang sekejap berpihak kepada Anwar, mendesak Dr. Mahathir segera letak jawatan. Namun, apabila melihat Anwar gagal, DAP pantas beralih sokongan kepada Dr. Mahathir pula.

Pada masa itu, paling terkehadapan

mempertahankan Dr. Mahathir ialah Pas. Presidennya, Datuk Seri Abdul Hadi Awang berulung kali bertemu Dr. Mahathir dan membuat kenyataan menyokong beliau kekal sebagai Perdana Menteri hingga tempoh penggal berakhir.

PH ketika itu bukan sekadar menjadi punca kejatuhan kerajaan mereka sendiri, malah langsung tidak peduli keadaan rakyat yang kelim kabut menghadapi ancaman Covid-19. Mereka ghairah bermain politik hingga keadaan hidup rakyat yang sedang galau langsung tidak diendahkan.

Mujur keadaan diselamatkan daripada menjadi lebih buruk apabila Muhyiddin menarik keluar Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) dari PH bersama serpihan PKR diketuai Datuk Seri Mohamed Azmin Ali. Dengan sokongan Muafakat Nasional (Pas+UMNO), kerajaan baharu PN berjaya dibentuk.

Kebijaksanaan Seri Paduka memberi perkenan kepada Muhyiddin untuk menjadi Perdana Menteri seharusnya diterima semua pihak untuk memuktamadkan segala pertikaian mengenai keabsahan sesebuah kerajaan yang diperkenankan untuk memerintah. Mempertikaikan keabsahan kerajaan yang mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong adalah perbuatan yang boleh ditafsirkan sama seperti

mengingkari perintah raja.

Lihatlah dalam Perlembagaan Persekutuan atau Undang Undang Tubuh Negeri yang mana pun, ayat bagi memperkenalkan pelantikan ketua eksekutif kerajaan: “*seorang calon daripada kalangan ahli dewan yang pada hemat baginda mendapat sokongan ...*” atau sebarang frasa yang membawa maksud yang sama dengan itu.

MANDAT

Yang di-Pertuan Agong juga telah menemui bual semua anggota Dewan Rakyat. Di situhal termaktubnya hal mandat dalam sistem demokrasi berparlimen yang tidak wajar lagi dipertikaikan.

Apabila Muhyiddin mengambil alih teraju dan terus meletakkan isu Covid-19 sebagai keutamaan sekaligus melancarkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), kita berjaya.

Dalam hal ekonomi dan kebijakan rakyat, pelaksanaan pakej-pakej bantuan Prihatin, Prihatin Tambahan dan Kita Prihatin ternyata amat membantu rakyat dalam menghadapi 1,001 kesukaran berikutan krisis kesihatan dan keselamatan ini.

Apa yang berlaku selepas itu yang memperlihatkan kehadiran semula gelombang kedua dan ketiga Covid-19, antara lain berkait dengan masalah dalam pematuhan prosedur operasi standard (SOP). Itu tidak boleh ditafsirkan sebagai kegagalan

di pihak kerajaan semata-mata.

Apabila pembangkang yang dalam keadaan sekarang masih berdegil mahu mengambil langkah politik menuntut Muhyiddin meletak jawatan, itu sudah cukup untuk jadi bukti betapa rakusnya mereka.

Anwar terutamanya sanggup mengugat untuk menjatuhkan kerajaan melalui sidang Parlimen pada bulan depan yang mungkin akan membawa kepada pembubaran dan seterusnya PRU-15. Adakah kita semua sanggup mengambil risiko sedemikian dalam keadaan Covid-19 berleluasa sekarang?

Dalam pada itu, Anwar juga boleh dianggap telah mengingkari titah Yang di-Pertuan Agong ucapan pembukaan Mesyuarat Penggal Ketiga Parlimen ke-14 pada Mei lalu supaya ahli politik tidak mengheret negara ke kancas politik tidak menentu di kala rakyat sedang berhadapan wabak Covid-19.

Ahli politik sepatutnya insaf dan prihatin dengan apa berlaku di Sabah yang hingga hari ini rakyatnya masih lagi bertarung dengan ancaman jangkitan yang semakin meningkat.

Pembangkang mencanangkan kononnya darurat kesihatan yang dicadangkan oleh kerajaan tidak mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong setelah berunding dengan raja-raja Melayu, semata-mata taktik politik Muhyiddin untuk mengelak undi tidak percaya terhadapnya di Dewan Rakyat, bulan depan.

Anwar ternyata masih tidak berpuas hati setelah beberapa ahli Parlimen UMNO yang konon bersetuju untuk menyokongnya di Dewan Rakyat berpaling tadah. Begitu yakinnya Anwar, beliau tetap percaya masih mempunyai peluang untuk menggagalkan sokongan terhadap Perdana Menteri menerusi pembentangan Bajet 2021 nanti.

Peringatan Al-Sultan Abdullah kelmarin supaya ahli politik perlu menghentikan segera politik yang boleh menjejaskan kestabilan negara perlu dipatuhi sepenuhnya.

PENULIS ialah Setiausaha Akhbar kepada Menteri Besar Kedah



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
27 October 2020

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	AELM APEC bakal lancar Visi Pasca 2020
Muka Surat	:	35

AELM APEC bakal lancar Visi Pasca 2020

KUALA LUMPUR: Mesyuarat Pemimpin-pemimpin Ekonomi (AELM) Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) yang dijadual berlangsung secara maya pada 20 November depan akan melancarkan Visi Pasca 2020 iaitu sebuah dokumen polisi utama rantau ini.

Menurut Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), dokumen tersebut bakal menggantikan Matlamat Bogor yang akan matang pada penghujung tahun ini.

Katanya, Malaysia sebagai entiti utama yang menyediakan dokumen penting berkenaan sedang bekerjasama dengan kesemua ekonomi APEC untuk mempersiapkannya.

MITI berkata, Visi Pasca 2020 akan menjadi sumber rujukan utama untuk rantau Asia Pasifik pada tahun-tahun akan datang.

“Dalam masa yang sama, Malaysia juga telah memulakan tugas pembentukan Deklarasi

Pemimpin iaitu dokumen penting yang tidak dapat dimuktamadkan sejak dua tahun lalu.

“Pada 2018, pemimpin ekonomi APEC tidak dapat mencapai kata sepakat mengenai Deklarasi Pemimpin manakala AELM terpaksa dibatalkan tahun lalu berikutan krisis domestik di Chile,” katanya dalam kenyataan semalam.

AELM APEC yang dianjurkan secara maya adalah pertama kali seumpamanya dalam sejarah APEC ekoran pandemik Covid-19.

Mesyuarat itu akan dipengerusikan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan akan disertai oleh kesemua 21 pemimpin ekonomi APEC.

Tahun ini merupakan kali kedua Malaysia menjadi tuan rumah APEC selepas penganjuran kali pertama pada 1998.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali akan mempengerusikan Mesyuarat

Menteri-Menteri APEC (AMM) sebelum AELM bermula, pada 16 November depan.

Jelas MITI, AMM berfungsi sebagai mesyuarat penutup bagi semua mesyuarat Menteri-Menteri APEC untuk tahun ini di samping merupakan platform bagi menilai semula semua status kerja yang dilaksanakan di rantau ini.

“Sebagai tuan rumah APEC 2020, Malaysia telah melakar sejarah apabila mentransformasikan cara penganjuran APEC dengan menjalankan mesyuarat dalam format maya sepe-nuhnya.

“Tahun penganjuran Malaysia ini tentunya dikenang sebagai tahun di mana Malaysia mempelopori teknologi digital untuk menjayakan mesyuarat APEC,” katanya.





PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 27 October 2020

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Cegah jenayah
Muka Surat	:	42



Cegah jenayah

DALAM usaha mencegah jenayah, Komuniti Damansara Damai mengadakan Program Jalanan Masyarakat dengan Vehicle Theft Reduction Council of Malaysia Berhad (VTREC) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) di Dewan Apartment Saujana, Damansara Damai, Petaling Jaya, Selangor, baru-baru ini.

Melalui program itu, penduduk diberi taklimat tentang keselamatan dan jenayah yang berlaku di sekitar pentadbiran Petaling Jaya oleh Ketua Polis Daerah Petaling Jaya, Asisten Komisioner Nik Ezanee Mohd.

Faisal.

Program berkenaan turut disertai Pusat Pemeriksaan Kenderaan Berkomputer (Puspakom), Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) dan Perbadanan Pengurusan Pangsapuri Saujana.

■ **WAKIL** penduduk menyerahkan cenderahati kepada Nik Ezanee Mohd. Faisal (lima dari kiri) sempena Program Jalanan Masyarakat di Dewan Apartment Saujana, Damansara Damai, Petaling Jaya, Selangor, baru-baru ini.



KERATAN AKHBAR

27 October 2020

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Selangor beri subsidi baucar bernilai RM2j
Muka Surat	:	6

Selangor beri subsidi baucar bernilai RM2j

Shah Alam: Kerajaan negeri Selangor menyediakan subsidi berbentuk baucar bernilai RM2 juta bagi penganjuran Selangor e-bazar sempena kempen Jualan Mega 11.11 yang berlangsung selama sebulan bermula semalam.

Ketua Pegawai Eksekutif Invest Selangor Bhd Datuk Hasan Azhari Idris berkata, peruntukan itu adalah peningkatan RM1 juta berbanding kempen Selangor e-Bazar Raya yang dianjurkan pada Mei lalu.

“Bagi kempen kali ini, kami bekerjasama dengan dua platform e-dagang, Lazada dan Shopee, iaitu masing-masing diperuntukkan baucar sebanyak RM1 juta.

“Penganjuran kempen Selangor E-bazar ini bertujuan membantu pengusaha industri kecil dan sederhana (IKS) di negeri ini yang terjejas akibat pandemik Covid-19 untuk terus maju sekali gus mendorong proses digitalisasi IKS di Selangor.

“Kerajaan negeri menyasarkan 10,000 pengusaha IKS di Selangor menyertai kempen ini.

“Mereka yang berminat boleh mendaftar di laman web www.sitec.com.my/selangorebazar dan peniaga boleh memilih berdaftar dengan Lazada atau Shopee atau kedua-duanya,” katanya pada sidang media secara maya bagi pelancaran kempen itu.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
27 October 2020		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Syarat DAP untuk sokong Muhyiddin
Muka Surat	:	4

Syarat DAP untuk sokong Muhyiddin

SHAH ALAM - DAP meminta Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin mempertimbangkan cadangan memecat Setiausaha Agung-Perikatan Nasional (PN), Datuk Seri Hamzah Zainuddin dan Ketua Penerangan PN, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali bagi membuka kerjasama dwipartisan di Dewan Rakyat.

Pengarah Strategik DAP, Senator Liew Chin Tong mendakwa, kedua-dua pemimpin itu mewujudkan persekitaran politik toksik yang menyebabkan Kabinet membuat keputusan memohon Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah mengisytiharkan darurat.

Beliau berkata, bagi memecahkan kebuntuan konflik politik ketika ini,



CHIN TONG

Muhyiddin wajar menggunakan Parlimen sebagai wadah kerjasama, rundingan dan urus tadbir bersama dengan pembangkang demi kebaikan negara pada saat krisis coronavirus (Covid-19).

“Bagi membina semangat kerjasama dwipartisan itu, Muhyiddin wajar meminta Hamzah dan Azmin meletakkan jawatan dan memikul tanggungjawab kerana memberi nasihat salah kepada Seri Paduka.

“Dengan ketiadaan Hamzah dan Azmin dalam Kabinet, kerjasama antara komponen PN beransur pulih dan suasana yang lebih harmoni dalam kerjasama dwipartisan bersama pembangkang dapat dibentuk,” katanya dalam satu hantaran di blog beliau semalam.

Pengerusi DAP Johor itu berkata,

kerajaan tidak sewajarnya takut kepada Parlimen, bahkan tidak boleh melayan pembangkang sebagai musuh negara.

“Dengan layanan saksama terhadap ahli Parlimen pembangkang seperti anggota *backbencher* dari segi sumber dan akses untuk memberi input dasar dengan suatu perjanjian *confidence and supply*, kerajaan Muhyiddin berpeluang mengubah krisis itu menjadi kelahiran baharu demokrasi berparlimen,” katanya.

Jelasnya, sejak 18 Mei lalu, beliau telah memberitahu rakan dan lawan bahawa Muhyiddin perlu berhenti bergantung kepada Hamzah.

Tegasnya, Hamzah tidak memahami realiti politik pasca kekalahan UMNO yang mengakhiri hegemoni parti itu pada Pilihan Raya Umum ke-14.

“Satu-satunya kejayaan Muhyiddin iaitu mengawal Covid-19 dimalapkan akibat kempen pilihan raya negeri Sabah,” katanya.



KERATAN AKHBAR

27 October 2020

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Kilang lebur aluminium beroperasi tanpa lesen
Muka Surat	:	21

Kilang lebur aluminium beroperasi tanpa lesen

HULU SELANGOR - Bekalan elektrik sebuah kilang melebur aluminium di Jalan Stesen Rasa di sini dipotong kerana beroperasi tanpa lesen Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS).

Premis itu juga didapati tiada kelulusan Laporan Penilaian Alam Sekitar (EIA) dari Jabatan Alam Sekitar (JAS) bagi melakukan kerja-kerja melebur.

Bahagian Korporat MDHS dalam kenyataannya berkata, operasi penguatkuasaan di kilang berkenaan dijalankan MDHS dengan kerjasama polis bermula jam 9.30 malam pada Jumaat lalu.

“Ketika anggota penguat kuasa tiba di kilang ini, premis seperti sedang beroperasi namun lampu ditutup. Anggota telah menghubungi pemilik premis untuk hadir ke lokasi,” kata kenyataan itu di sini semalam.

Menurut kenyataan itu,

wakil pihak syarikat yang hadir di premis terbabit menyatakan bahawa kilang tersebut telah disewakan kepada pengusaha untuk kerja melebur.

“Pemilik syarikat telah mengarahkan pengusaha kilang itu keluar secara lisan, namun gagal mendapatkan kerjasama,” katanya.

Sehubungan itu, kata kenyataan tersebut, MDHS telah mengesyorkan premis menghentikan sewaan kepada pengusaha kilang melebur aluminium dalam masa terdekat sekaligus menghentikan operasi melebur sedia ada.

“MDHS akan melaksanakan pemantauan ulangan secara mengejut bagi setiap premis kilang berkenaan. Sekiranya kesalahan berulang tindakan sita harta alih serta pemotongan bekalan air akan dilaksanakan selain pembukaan Kertas Siasatan (IP) bagi setiap kes,” katanya.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
27 October 2020		
Akhbar	:	The Star
Tajuk Berita	:	No provision for barriers behind houses
Muka Surat	:	3

No provision for barriers behind houses

By SHALINI RAVINDRAN
 shaliniravindran@thestar.com.my

ANY type of barricade preventing entry into and exit from back lanes is illegal and should be removed, says Ampang Jaya Municipal Council (MPAJ).

The local authority said there was no legal provision that would allow individuals or residents associations to instal barricades in back lanes.

MPAJ press relations officer Norhayati Ahmad said this was applicable to all residential and commercial areas, including neighbourhoods under gated-and-guarded schemes.

"This (installing gates in back lanes) is mostly prevalent in older neighbourhoods where residents do so for security reasons.

"They think back lanes give burglars easy access to houses and barriers act as a deterrent.

"But this could become a bigger safety hazard if something were to happen," she cautioned.

Locking up back lanes could prevent residents from having an additional escape route in the event of an emergency or obstruct the Fire and Rescue Department from carrying out its duties, Norhayati pointed out.

"While we understand that homeowners have reasons for blocking entry and exit points, their actions have caused problems for others.



Back lanes that are clean, well-lit and pedestrian-friendly may help prevent break-ins.

"This is especially true for cleaners and personnel from utility companies who are unable to enter the area to do their work," she said.

Norhayati added that the situation was made worse when people consider the back lane an extension of their house.

"There are those who cover the drains or build wet kitchens in back lanes.

"Some have made the space into storage areas which only encourages pests," she said, adding that the

situation was compounded if workers could not clean the back lanes.

MPAJ enforcement officers can take action to demolish and remove obstructions under Section 69(3) of the Street, Drainage and Building Act 1974.

It states that no person shall erect or maintain or permit to be erected or maintain any obstruction in or over any back lane, and the local authority may, where any such obstruction exists, take down and remove the same and the cost and expense may be recovered

from the person responsible for or who permitted its erection or maintenance.

Under Section 46(1)(a) of the same Act, a fine not exceeding RM1,000 can be issued to the offender for putting up structures in a public space.

Norhayati added that "adopting" these back lanes could make them safer in the long run.

"If they are well-lit, clean and pedestrian-friendly, it may prevent these lanes from being used as break-in points," she said.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com




CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 27 October 2020		
Akhbar	:	The Star
Tajuk Berita	:	Some residents in Subang Jaya received approval for gated back lanes
Muka Surat	:	3

Some residents in Subang Jaya received approval for gated back lanes



A letter approving a plan to erect gates behind terrace houses along Jalan USJ 11/3L and Jalan USJ 11/3K in Subang Jaya.

(Far left) Some back lanes in Subang Jaya are even monitored through closed circuit television cameras.
 — ART CHEN/
 The Star

By **AIDA AHMAD**
 aidaahmad@thestar.com.my

THE issue of gated back lanes in USJ, Subang Jaya, is not as clear-cut.

USJ 11/3 Residents Association chairman Singam Muniandy said houseowners received planning approval from the then municipal council to instal the gates.

“We have not faced any problems from anyone regarding the back lane gates.

“More importantly, we received approval from the city council to do so,” he told *StarMetro*.

Singam revealed that in the letter issued by Subang Jaya Municipal Council in 2008, it was stated that every household must have a key to the gate and it should

be opened to allow maintenance work to be carried out.

The letter also stated that the council would not be held responsible if any untoward incident were to happen.

It also said that the council could cancel the approval if there were complaints.

“The households have a mutual understanding to allow access into the lane should the need arise for cleaning to take place or for authorities to enter.

“So far, we haven’t had any problems in our area,” said Singam.

He stressed that residents should not instal gates on their own without consulting Subang Jaya City Council (MBSJ).

On illegal renovations and extensions into the back lane, Singam said they had not encountered any in their area.

“No one is allowed to obstruct the back lane by extending their kitchen space.

“They can build up, but not encroach outwards to the lane,” he said.

StarMetro had contacted MBSJ on the matter, but at press time had yet to receive a response.

Meanwhile, in Petaling Jaya, former Bandar Utama 3 Residents Association chairman Lai Wing Fatt said the entire neighbourhood had had gated back lanes since 1995, after they experienced a spate of burglaries.

“We realised that most of the

burglars entered from the back door, which is why we took the initiative to lock up the back lanes, providing houseowners with a key.

“During Chinese New Year in 1995, the neighbouring BU4 area had 14 break-ins in one week.

“All the households agreed to instal the back lane gates as a precaution to deter thieves,” said Lai, adding that the back lane gates also deterred stray animals from entering.

Its current chairman Phillip Khew said back lane gates were not a fire hazard.

“The gates do not prevent the Fire and Rescue Department from accessing the lane should there be an emergency because they can still get in,” he said.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 27 October 2020

Akhbar	:	The Star
Tajuk Berita	:	Night market reopens
Muka Surat	:	4



Night market reopens

Sungai Long residents can finally visit their night market – seven months after the movement control order (MCO) was imposed on March 18. The night market traders also heaved a sigh of relief that they are able to operate from their original site. Kajang assemblyman Hee Loy Sian, who assisted in the process, hopes residents will support the night market traders while adhering to the standard operating procedures issued by the National Security Council throughout the conditional MCO period.
— MUHAMMAD SHAHRIL ROSLI/The Star



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
27 October 2020		
Akhbar	:	The Star
Tajuk Berita	:	Three new councillors sworn in at Kajang council
Muka Surat	:	4

NEW APPOINTMENTS
 Kajang Municipal Council only has one more vacancy to fill after three councillors were sworn in >4

Three new councillors sworn in at Kajang council

By JADE CHAN
 jade@thestar.com.my

KAJANG Municipal Council (MPKJ) has three new councillors.

They are Mohd Zulkefli Ridzwan, 48, from PKR; Sangeetha Chandra Mohan, 38, from DAP and Amanah's Rozeeta Ramli, 51. Their term will end Dec 31, 2022.

With the new appointments, MPKJ still has one slot to fill to meet its full quota of 24 councillors.

All three were sworn in before MPKJ president Datuk Zulkefli Khalid and signed their acknowledgement of acceptance letters and integrity pledge forms at a ceremony in Menara MPKJ, Kajang, which was broadcast online.

Zulkefli, who lives in Kajang, is the general manager of a private firm, while Sangeetha, also a Kajang resident, has served as MPKJ councillor's administrative



Zulkefli (centre) confirming the acknowledgement of acceptance letter for Rozeeta (right). Looking on is MPKJ deputy president Mohd Raiz Radzuan.

assistant for seven years.

Rozeeta, a Bandar Baru Bangi resident, is a freelance consultant who had previously served as a ministry's corporate communications head.

The committees and zones of the

councillors would be assigned later.

During the meeting, Zulkefli said under MPKJ's Town Services and Health Department's Operasi Gempur on illegal dumpsites, the number of lorries seized had gone

down due to static operations at the entrances of these sites.

"As of Oct 22, eight lorries and one bulldozer were seized, and 16 compounds issued to offenders for illegally dumping rubbish under MPKJ's Rubbish Removal, Collection and Disposal Bylaw 2007.

"The lorries were seized at several locations, including Sungai Balak, Jalan Bukit Raya and Jalan Broga," he said, adding that 81 lorries were seized between January and October this year under the operations.

On the dengue situation, Zulkefli said Hulu Langat district ranked second highest in Selangor as of Oct 17.

"The district recorded 8,534 accumulated dengue cases with three deaths.

"There is a 31.6% drop in cases in Hulu Langat this year compared to the same period last year, with 12,472 cases and 16 deaths

recorded during week 42 in 2019," he said.

Zulkefli added that there were 10 hotspots out of the 46 outbreak localities under MPKJ's administration.

They are in Kajang constituency (two locations), Sungai Ramal (five), Balakong (two), and Semenyih (one).

MPKJ, along with Ampang Jaya Municipal Council (MPAJ), fall under the Hulu Langat district.

